

AGENDA MESYUARAT

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan bacaan Al-Fatihah. Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang dapat meluangkan masa hadir pada mesyuarat yang diadakan kali ini.
- 1.2 Pengerusi menyampaikan maklumat terkini berkaitan dengan Pesta Sukan Perpustakaan Awam Se – Malaysia (SPASM) kali ke 21 di mana Sarawak akan menjadi tuan rumah dan belum tarikh acara belum diputuskan lagi. Atlit yang telah terpilih dan tenaga muda dimohon agar membantu PPAS menjadi juara.
- 1.3 Pengerusi juga memohon maaf kerana mengadakan mesyuarat kali ini agak lewat disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan.

2.0 PENGESAHAN MINIT

- 2.1 Encik Azfendi Sanusi mengesahkan minit mesyuarat kali ke 31 yang telah diadakan pada 13 Mei 2013 di Bilik Seminar PPAS, Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Puan Rozainees Kamarudin telah menyokong minit mesyuarat tersebut dan telah disahkan.
- 2.2 Perkara Berbangkit
 - 2.2.1 Cadangan daripada Encik Harun Mohamad pada mesyuarat terdahulu agar barangan atau koleksi KESUKA diperkenalkan atau diadakan jualan kepada ahli terutama di daerah-daerah atau setiap kali mesyuarat diadakan belum dijalankan lagi pada mesyuarat kali ini.
 - 2.2.2 Cadangan Encik Anuar Sulong mencadangkan pada mesyuarat terdahulu agar setiap ahli yang hadir ke mesyuarat agung yang diadakan diberikan RM 10.00 untuk tuntutan elaun perjalanan. Pengerusi menjelaskan mesyuarat KESUKA tidak layak bagi tuntutan elaun perjalanan.

2.2.3 Cadangan Encik Anuar Sulong mencadangkan pada mesyuarat terdahulu agar atlit diberikan insentif kemenangan semasa SPASM.

Insentif tersebut telah diberikan kepada pasukan bola tampar wanita pada mesyuarat kali ke -32.

3.0 PEMBENTANGAN LAPORAN KEWANGAN

3.1 Bendahari telah membentangkan laporan kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013.

3.2 Puan Rozainees bertanya berkaitan aktiviti Biro Ekonomi yang berjumlah RM 680.00.

Jawapan : Bendahari memaklumkan RM 680.00 tersebut adalah jumlah jualan goodies (RM 545.00) dan jualan T-Shirt (RM 135.00)

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN BIRO-BIRO

4.1 Biro Sukan

4.1.1 Encik Norkhairul Nizam M. Sadon selaku Pengerusi Biro Sukan telah membentangkan laporan aktiviti yang telah dijalankan oleh Biro Sukan sepanjang tahun 2013. Beliau memaklumkan setiap atlit yang dipilih perlu berkebolehan bermain 2 sukan teras memandangkan lokasi SPASM kali ke 21 di Sarwak. Pemilihan atlit akan dilakukan secepat mungkin bagi memilih atlit yang berkebolehan.

4.1.2 Pengerusi turut mengalu-alukan tenaga muda daripada kakitangan yang baru dilantik untuk menunjukkan bakat sukan dan berharap mengikuti latihan sukan bersama.

4.1.3 En. Fatah mencadangkan agar mengambil orang luar dan dilantik sebagai kakitangan sementara bagi yang berbakat dalam bidang sukan untuk mewakili PPAS di SPASM. PBT banyak melakukan hal sebegini.

Jawapan : Cadangan ini ditolak. Keutamaan diberikan kepada kakitangan yang sedia ada.

4.1.4 Cik Fatimah mencadangkan agar Latihan kecergasan diadakan 3@6 bulan sebelum SPASM.

Jawapan : Pemilihan dan latihan kecergasan akan dimulakan pada Januari 2015. Biro Sukan perlu bermesyuarat untuk melaksanakan perkara ini.

4.2 **Biro Publisiti**

4.2.1 Laman web (www.ppas.gov.my/spasm20) yang telah dibangunkan sempena SPASM yang lalu akan terus digunakan sebagai medium untuk menyalurkan maklumat terkini berkaitan SPASM yang akan datang.

4.2.2 Encik Azfendi Sanusi bertanya berkaitan pengumpulan gambar sepanjang SPASM yang lalu.

Jawapan : Peralatan untuk merakam gambar di setiap lokasi sukan tidak mencukupi dan Biro Publisiti pernah mencadangkan agar mengambil jurugambar luar tetapi tidak diluluskan kerana kekangan peruntukan kewangan.

4.2.3 Puan Suzliana Abd. Hamid bertanya jika pihak biro ada menyimpan gambar tersebut dalam bentuk *hardcopy* atau *softcopy*.

Jawapan: Cuma ada gambar majlis perasmian. Walaubagaimanapun, pihak biro akan bekerjasama dengan Bahagian Korporat PPAS dan pihak biro turut mengalu-alukan gambar daripada simpanan ahli KESUKA.

4.3 **Biro Kebajikan**

4.3.1 Sebanyak RM 3500.00 telah diagihkan kepada ahli-ahli yang layak mendapat sumbangan pada Jun – Disember 2013 dan beberapa aktiviti yang telah dijalankan.

4.3.2 Puan Suzliana mencadangkan agar mewujudkan group whatsapp untuk menyalurkan maklumat dengan cepat.

Jawapan : Group whatsapp tidak diperlukan kerana semua pegawai di daerah akan datang setiap bulan ke Ibu Pejabat dan dapat menyalurkan maklumat dengan cepat.

4.3.3 En. Anuar Sulong memaklumkan anak Puan Jamliah dan En. Mustamam belum menerima sumbangan peperiksaan pada tahun 2013.

Jawapan : Biro Kebajikan tidak menerima sebarang tuntutan. Pihak biro akan mengambil tindakan segera bagi menyalurkan sumbangan kepada anak Puan Jamaliah yang cemerlang dalam peperiksaan PMR.

Anak En. Mustamam tidak layak menerima sumbangan disebabkan kemasukan anak ke matrikulasi tidak tertakluk pada sumbangan peperiksaan.

5.0 USUL DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

5.1 Tiada usul yang diserahkan lebih awal kepada AJK untuk dibentangkan. Oleh yang demikian, Pengerusi telah memberi peluang kepada ahli yang hadir untuk memberikan usul.

5.2 Encik Harun Mohamad telah mencadangkan agar Hari Keluarga diadakan pada setiap tahun

Tindakan/Jawapan : Pengerusi memaklumkan Hari Keluarga bukan tertakluk pada KESUKA tetapi pada pihak pengurusan PPAS. Walaubagaimanapun, terdapat perancangan untuk mengadakannya setiap tahun tetapi terdapat beberapa kekangan seperti masa, tugas hakiki dan terdapat anak-anak yang menghadapi peperiksaan.

5.3 Encik Nizam Radzaly dan En. Azmi Ahmad mencadangkan agar setiap daerah mempunyai wakil di dalam AJK yang akan datang untuk menyampaikan maklumat kepada ahli dengan cepat.

Tindakan/Jawapan : Pengerusi memaklumkan mana-mana ahli boleh mencalonkan sesiapa untuk menjadi AJK dalam KESUKA sewaktu pemilihan.

5.4 Puan Rozainees Kamaruddin mencadangkan agar kadar yuran keahlian dinaikkan dari RM 5.00 ke RM 10.00.

Tindakan/Jawapan : Seramai 86 orang telah bersetuju dan 6 orang tidak bersetuju.

5.5 Pengerusi membentangkan Garis Panduan Kebajikan yang baru dan garis ini akan dilaksanakan sekiranya kadar bayaran yuran dinaikkan. Bagi sumbangan peperiksaan PMR akan digantikan dengan keputusan PT3.

Tindakan/Jawapan : En. Mohd Zin menyokong Garis Panduan Kebajikan yang baru dan disokong oleh En. Harun Mohamad.

6.0 HAL-HAL LAIN

Pengerusi memaklumkan semua ahli boleh menuntut cenderahati pada tahun ini (Hari Raya dan Hari Jadi) iaitu beg, tuala dan teg. Manakala cenderahati pada tahun lepas berupa baju T-Shirt yang diberikan sempena SPASM 2013.

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESUKA KALI KE -32

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang telah hadir pada kali ini serta mengemukakan usul dan cadangan penambahbaikan. Pengerusi memohon agar kerjasama dan sokongan ahli diteruskan dan memajukan kelab.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.30 petang dengan bacaan tasbih Kaffarah dan surah Al-Asr.

Disediakan Oleh :

Tarikh :

Nazaleeza Hassan
Setiausaha KESUKA sesi 2013-2015
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Disahkan oleh :

Tarikh :

Norazhan Sahlan
Pengerusi KESUKA sesi 2013-2015
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor